

KUCHING, 13 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN MENJEMPUT KUMPULAN PEMERHATI KOMANWEL UNTUK MELIHAT PERJALANAN PILIHANRAYA UMUM KALI INI KERANA HENDAK MEMBUKTIKAN BAHAWA PILIHANRAYA DI NEGARA INI BERJALAN DENGAN BEBAS DAN ADIL.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU SEDAR PIHAK SURUHANJAYA PILIHANRAYA (SPR) TIDAK SENANG DENGAN KEHADIRAN KUMPULAN ITU KERANA SECARA TIDAK LANGSUNG MEMBERI GAMBARAN SPR KELIHATAN SEOLAH-OLAH TIDAK BERWIBAWA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MENGHORMATI PERASAAN PIHAK SPR ITU TETAPI BELIAU TERPAKSA MENJEMPUT KUMPULAN ITU ATAS SEBAB-SEBAB POLITIK.

MENURUTNYA, SPR SEBENARNYA SUDAH MENGENDALIKAN SEBANYAK TUJUH PILIHANRAYA UMUM DENGAN CEKAP DAN BEBAS, DAN TIADA SEORANG PUN YANG MENGADU TERHADAP SPR.

JIKA SESIAPA YANG TIDAK PUASHATI DENGAN CARA-CARA PIHAK SPR MENGENDALIKAN PILIHANRAYA MEREKA MEMPUNYAI MAHKAMAH UNTUK MENENTUKANNYA, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SEBELUM BERLEPAS KE SABAH DI AKHIR LAWATAN KE SINI DALAM SIRI KEMPEN PILIHANRAYANYA. --

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BELIAU TIDAK MAHU MEMPERSOALKAN INTEGRITI KUMPULAN PEMERHATI KOMANWEL ITU KERANA PERCAYA ANGGOTA-ANGGOTANYA TELAH DIPILIH DENGAN BAIK OLEH SEKRETARIAT KOMANWEL.

BELIAU JUGA MENAFIKAN DAKWAAN KONONNYA ADA CALON BEBAS MENDAPAT SOKONGANNYA.

KATANYA BELIAU HANYA MENYOKONG CALON-CALON BARISAN NASIONAL (BN) YANG MEWAKILI SEMUA KAUM.

BELIAU BERKATA BELIAU AMAT KECEWA DENGAN PENGLIBATAN CALON-CALON BEBAS DALAM PILIHAN RAYA KERANA JIKA MENANG PUN MEREKA TIDAK BOLEH BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT.

JIKA ADA PARTI-PARTI KOMPONEN BN MELETAKKAN ANGGOTANYA SEBAGAI CALON BEBAS DALAM PILIHANRAYA INI, PARTI BERKENAAN AKAN DINASIHATI MENGAMBIL TINDAKAN MEMECATNYA KERANA BN SENDIRI TIDAK MEMPUNYAI KUASA BERBUAT DEMIKIAN, KATA DATUK SERI MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI BN.

BELIAU JUGA BERKATA BN TIDAK AKAN MEMBERI TEMPAT KEPADA MANA-MANA CALON BEBAS YANG MENANG DALAM PILIHANRAYA INI NANTI WALAUPUN IA MENYOKONG KERAJAAN KERANA YANG PENTING SEKALI BN MESTI MEMPUNYAI DISIPLIN. -- LAGI

1314MST 13 10 90

U B945 AAB

MAHATHIR - BEBAS 3 KUCHING

MENGENAI PARTI PEMBANGKANG, PERDANA MENTERI BERKATA TERDAPAT USAHA HENDAK MEMECAH UNDI MELAYU DAN CINA DALAM PILIHANRAYA UMUM KALI INI OLEH PAS DAN DAP.

BELIAU BERKATA ANALISIS YANG DIBUAT OLEH BN MENUNJUKKAN DAP DAN PAS SEDANG +BERSANDIWARA+ IAITU MEREKA BERPAKAT WALAUPUN KELIHATANNYA TIDAK BEKERJASAMA SEPERTI MELETAKKAN CALON PAS DI KAWASAN MCA BERTANDING DENGAN DAP DENGAN TUJUAN MENARIK UNDI MELAYU DARI MCA.

MENGULAS KETIDAKHADIRAN PEMIMPIN PARTI BANSAR DAYAK SARAWAK (PBDS) DALAM MESYUARATNYA DENGAN PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BN DI SINI MALAM TADI, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU INGIN PERCAYA BAHAWA MEREKA TIDAK DAPAT HADIR KERANA MASALAH TEKNIKAL SEPERTI MEREKA BERADA DI KAWASAN TEMPAT MEREKA AKAN BERTANDING.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MEMBERITAHU SEMUA PIHAK BAHAWA PILIHANRAYA INI ADALAH PERTANDINGAN DI PERINGKAT PUSAT DAN SOAL PERBELISIHAN DI DALAM NEGERI TIDAK ADA PERANAN SAMA SEKALI.

PBDS MERUPAKAN KOMPONEN BN DI PERINGKAT PUSAT TETAPI DI PERINGKAT NEGERI IA BERTINDAK SEBAGAI PEMBANGKANG. DALAM PILIHAN RAYA INI, PARTI ITU MEWAKILI BN DI EMPAT KAWASAN DI NEGERI INI KERANA IA HANYA MEMBABITKAN KERUSI PARLIMEN.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERINYA DATUK SERI PADUKA DATIN DR SITI HASMAH KEMUDIAN BERLEPAS KE SABAH. -- BERNAMA

1316MST 13 10 90